

Pengaruh Media Sosial terhadap Pembentukan Akhlak Mahasiswa

Ivan Eu Sik Wei¹, Har Shun Lin¹, Lee Kuan Pang¹, Brian Law Jia Ching¹, Chong Xu Zu¹, Ng Wen Kang¹

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kampus Cawangan Pagoh, Jalan Panchor, Johor, 86400, MALAYSIA

* an220160@siswa.uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2023.03.01.009>

Received 10 October 2022; Accepted 7 December 2022; Available online 10 July 2023

Abstrak: Pengenalan kemudahan Internet dan kewujudan sebuah platform yang membolehkan masyarakat daripada seluruh dunia berkomunikasi tanpa mengira limitasi geografi akan mendorong kepada perubahan dalam kehidupan manusia. Impak-impak yang terhasil daripada penggunaan media sosial kepada manusia dalam masa berpanjangan harus dipelajari dan diperhatikan terutamanya dalam kalangan remaja yang mudah dipengaruhi. Terdapat pelbagai impak penggunaan media sosial atau Internet secara amnya sebagai sumber informasi kita, termasuklah perubahan terhadap pemikiran serta akhlak. Kelakuan seseorang atas talian biasanya tidak sama dengan kelakuan mereka dalam dunia sebenar namun sebaliknya juga tidak harus dikecualikan. Oleh itu, sebuah kajian telah dilakukan dengan menggunakan kaedah borang soal selidik '*Google Form*' di mana respondennya terdiri daripada mahasiswa UTHM. Kajian ini bertujuan mengkaji korelasi masa penggunaan media sosial dengan impaknya terhadap akhlak serta kelakuan para mahasiswa semasa menggunakan media sosial. Kajian ini menunjukkan bahawa majoriti para mahasiswa tidak pun melakukan sebarang kelakuan yang tidak elok dalam media sosial.

Kata Kunci: Internet, Media Sosial, Kelakuan, Mahasiswa, Akhlak, Impak

1. Pengenalan

Dalam era globalisasi kini, perkembangan sains dan teknologi menjadi semakin kompleks dan mencabar. Perkembangan pesat teknologi moden telah mengakibatkan penggunaan meluas pelbagai generasi peralatan dan peranti elektronik. Media sosial selalunya dikaitkan dengan kehendakan interaksi antara masyarakat secara atas talian ataupun menukar atau berkongsi idea sendiri dengan individu lain dan inilah tujuan bagi media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, LinkedIn dan YouTube.

Pelbagai kebaikan telah dibawa oleh kemunculan media sosial ini iaitu memudahkan petukaran idea dan komunikasi antara satu sama lain. Dari perpeksi golongan entrepreneur pula, ia boleh membantu mereka untuk membentuk gelombang pelanggan yang besar serta memberikan peluang kepada pihak masing-masing untuk mempromosikan produk sendiri.

Walaubagaimanapun, terdapat juga beberapa kesan negatif oleh media sosial antaranya seperti isu kesihatan mental, informasi palsu, kes buli siber dan sebagainya. Menurut kajian laporan daripada PewCenter.org kebanyaknya orang terutamanya dalam kalangan remaja dan budak-budak telah pernah menjadi mangsa buli siber sejak masa dahulu lagi. Ancaman, mesej ugutan dan khabar angin boleh dihantar kepada orang ramai untuk menimbulkan ketidakselesaan dan kekacauan dalam masyarakat melalui media sosial. Oleh yang demikian, hal ini akan menyebabkan remaja mengalami depresi dan sejurusnya akan menyebabkan seseorang itu mengalami kesihatan mental.

Pelajar institusi pengajian tinggi merupakan antara golongan yang terjejas akibat daripada kesan-kesan tersebut dan situasi ini amat penting sehingga ia tidak boleh diabaikan. Berdasarkan kajian Pop Culture, seorang budak umur 13, Megan Meier telah bunuh diri selepas dibuli secara cyber oleh Josh Evans, profile palsu dibuka oleh jiran dewasanya. Hal ini telah mengatakan berapa bahayanya media sosial boleh dijadikan melalui cara penggunaan oleh masyarakat, terutamanya atas individual antara 10 hingga 20 tahun.

Oleh itu, telah menimbulkan objektif kajian kita bagi menjalankan pengajian ini iaitu bertajuk “Pengaruh media sosial terhadap akhlak pelajar institusi pengajian tinggi”

1.1 Kajian Literatur

Media sosial merupakan platform yang digunakan oleh semua golongan masyarakat dan merupakan kulprit kepada kehilangan masa lapang mahasiswa seluruh dunia. Antara platform media sosial yang popular dalam dunia barat termasuklah Instagram serta Facebook di mana bilangan penggunanya semakin meningkat mengikut hari. Pengguna bagi setiap platform tersebut dikatakan meluangkan secara puratanya sebanyak 136 minit setiap hari.¹ Justeru, boleh nampaklah impak penggunaan media sosial dalam masa yang berpanjangan termasuklah kesan seperti ketagihan terhadap penggunaan platform internet seperti media sosial.² Terdapat kajian bertajuk ‘*Prediction of the time spent on Instagram by social media addiction and life satisfaction*’ yang mengkaji impak penggunaan media sosial Instagram dalam kalangan pelajar universiti. Dapatan kajian ialah terdapat impak negatif dari segi kepuasan kehidupan dengan peningkatan penggunaan media sosial seperti Instagram.³ Ketagihan bukannya sesuatu yang baru dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana sebelum ketagihan masyarakat dalam penggunaan Internet ataupun platform-platform media sosial, telah wujudnya ketagihan manusia terhadap dadah, minuman-minuman keras, perjudian dan banyak lagi.⁴ Ketagihan dalam kalangan pelajar universiti boleh juga dikaitkan kini akibat pandemik koronavirus. Selepas pandemik Coronavirus, terdapat peningkatan masa penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa di mana pelajar yang berumur 19-22 tahun majoriti meluangkan

¹ Burçak YILDIZ. (2019). Instagram İstatistikleri (Güncel). Retrieved from [Instagram İstatistikleri \(Güncel\) - Branding Türkiye \(brandingturkiye.com\)](https://brandingturkiye.com/instagram-istatistikleri-guncel/)

² Stavropoulos, V., Kuss, D. J., Griffiths, M. D., Wilson, P., & Motti-Stefanidi, F. (2017). MMORPG gaming and hostility predict Internet addiction symptoms in adolescents: An empirical multilevel longitudinal study. Addictive behaviors, 64, 294-300.

³ Yesilyurt, F., & Solpuk Turhan, N. (2020). Prediction of the Time Spent on Instagram by Social Media Addiction and Life Satisfaction. Cypriot Journal of Educational Sciences, 15(2), 208-219.

⁴ Young, K. S. (1998). Caught in the net: How to recognize the signs of internet addiction--and a winning strategy for recovery. John Wiley & Sons.

masa sebanyak 1-3 jam setiap hari.⁵ Bukan itu sahaja, terdapat peningkatan penggunaan media digital sebelum masa tidur barbanding dengan masa dahulu.⁶ Menurut kajian-kajian tersebut, peningkatan penggunaan media sosial boleh dikatikan dengan kebiasaan masyarakat semasa pandemik coronavirus. Namun, ini juga tidak boleh dijadikan alasan kerana terdapat data di mana bilangan masyarakat yang ketagih internet dijangka berada dalam 1.5% atau 8.2% dalam Amerika Syarikat dan Eropah, dan sehingga sebanyak 7% dalam sesetengah negara Asia.⁷ Kemudian, terdapat juga kajian terhadap impak ketagihan internet terhadap prestasi kerja menurun kerana sosial media mempengaruhi kestabilan kerja serta kehidupan serta menyumbang kepada kelesuan kerja.⁸ Oleh itu, kita tidak dapat menyalahkan pandemik coronavirus semata-mata dalam isu kemunculan ketagihan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat, kerana ianya telah lama wujud dalam diri masyarakat.

Seterusnya, kesan daripada kemunculan sosial media juga mampu memberikan impak kepada sebuah masyarakat. Kesan-kesan digelar ‘*Facebook Depression*’ atau dalam bahasa Malaysia bermaksud kemurungan Facebook, yang didefinisikan oleh *The American Academy of Pediatrics (AAP)* sebagai kemurungan terhasil daripada luangan masa yang berlebihan dalam penggunaan platform media sosial seperti Facebook. Kemurungan merupakan salah satu isu kesihatan mental yang menjadi topik hangat pada kebelakangan ini. Gelaran jururawat mental atau jururawat psikiatri mulai digunakan pada awal hingga pertengahan tahun 1900, menunjukkan bahawa isu kesihatan mental telah muncul sekira abad ke-20. Kemurungan ini dikatakan merupakan kesan yang tidak disengajakan hasil penggunaan media sosial yang melampau.⁹ Namun, terdapat juga pendapat bahawa tanggapan masyarakat terhadap korelasi antara media sosial dengan kesihatan mental sering dibesar-besarkan isunya.¹⁰ Walaupun terdapat tanggapan berlebihan, namun tidak dapat dinafikan bahawa adanya serba sedikit impaknya dalam diri pengguna media sosial dalam sebuah kajian sepanjang 8 tahun.¹¹ Justeru, selamatlah dikatakan penggunaan media sosial dalam masa yang berpanjangan setiap hari akan menimbulkan serba sedikit kesan negatif seperti isu kesihatan mental.

1.2 Definisi tema

Tema projek ini ialah media sosial dan menurut

a) Etika dan Peradaban Etika

Prinsip moral atau nilai akhlak (adat sopan santun) yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesebuah kumpulan manusia manakala peradaban bermaksud keadaan hidup bermasyarakat yang bertambah maju lalu mempunyai kemajuan dari segi lahiriah dan rohaniah.¹²

b) Teknologi dan Masyarakat

⁵ Parlak Sert, H., & Başkale, H. (2022). Students' increased time spent on social media, and their level of coronavirus anxiety during the pandemic predict increased social media addiction. *Health Information & Libraries Journal*

⁶ Coyne, S. M., Rogers, A. A., Zurcher, J. D., Stockdale, L., & Booth, M. (2020). Does time spent using social media impact mental health?: An eight year longitudinal study. *Computers in Human Behavior*, 104, 106160.

⁷ Wölfling, K., Beutel, M. E., Dreier, M., & Müller, K. W. (2014). Treatment outcomes in patients with internet addiction: a clinical pilot study on the effects of a cognitive-behavioral therapy program. *BioMed Research International*, 2014.

⁸ Zivnuska, S., Carlson, J. R., Carlson, D. S., Harris, R. B., & Harris, K. J. (2019). Social media addiction and social media reactions: The implications for job performance. *The Journal of social psychology*, 159(6), 746-760.

⁹ Amedie, J. (2015). The impact of social media on society.

¹⁰ Orben, A., & Przybylski, A. K. (2019). The association between adolescent well-being and digital technology use. *Nature human behaviour*, 3(2), 173-182.

¹¹ Coyne, S. M., Rogers, A. A., Zurcher, J. D., Stockdale, L., & Booth, M. (2020). Does time spent using social media impact mental health?: An eight year longitudinal study. *Computers in Human Behavior*, 104, 106160.

¹² Nik Muniyati Nik Din & Rogayah Mohd Zain,n.d. Pengenalan etika dan peradaban. Diambil daripada [Pengenalan etika dan peradaban - Bab 1: PENGENALAN ETIKA DAN PERADABAN Oleh: Nik Muniyati Nik Din - Studocu](#)

Teknologi bermaksud metode praktis yang digunakan untuk menciptakan sesuatu yang berguna dan bisa digunakan secara berulang kali¹³ manakala masyarakat bermaksud suatu kelompok manusia yang hidup secara bersama-sama di suatu wilayah dan membentuk sebuah sistem, baik semi terbuka maupun semi tertutup, dimana interaksi yang terjadi di dalamnya adalah antara individu-individu yang ada di kelompok tersebut.¹⁴

c) Berita Palsu dan Scammer-Berita palsu

Berita yang tidak benar dan disebarluaskan melalui pelbagai portal berita, media dan rangkaian sosial yang seolah-olah mereka yang sebenar¹⁵ manakala scammer bermaksud individu yang melakukan aktiviti penipuan untuk menganiaya orang lain¹⁶

d) Kewarganegaraan Digital

Norma perilaku yang tepat dan bertanggung jawab terkait dengan penggunaan teknologi informasi.¹⁷

e) Keber tanggungjawaban Digital

Perihal (sifat) bertanggungjawab¹⁸ manakala digital memaksud penggambaran dari suatu keadaan bilangan yang terdiri dari angka 0 dan 1, atau off dan on (bilangan Biner atau disebut juga dengan istilah Binary Digit)¹⁹

2. Tujuan Kajian

Tujuan kajian yang pertama ialah mengenal pasti media sosial yang kerap digunakan oleh para mahasiswa UTHM. Kini, terdapat pelbagai jenis platform media sosial yang ada. Platform media sosial seperti Whatsapp dan Telegram yang lebih fokus kepada interaksi anda dengan kawan, ahli keluarga ataupun dengan orang yang lebih rapat dengan anda kerana penggunaan media sosial tersebut memerlukan nombor telefon. Terdapat juga media sosial seperti Twitter dan Instagram yang membolehkan anda berkomunikasi dengan orang yang langsung tidak kenali dalam seluruh dunia tanpa sebarang limitasi asalkan profilnya difollow orang tersebut.

Seterusnya, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tingkah laku mahasiswa dalam penggunaan media sosial. Media sosial akan membawa kesan dan mempengaruhi perkembangan minda seseorang apabila mereka mempunyai akses kepada hampir semua informasi dalam Internet. Berita-berita semasa yang berlaku di negara-negara lain juga dapat diperhatikan oleh masyarakat yang berlainan negara. Berita serta informasi sebegini akan mempengaruhi pendapat mahasiswa yang membacanya dan jika pendapat dan minda seseorang sudah dipengaruhi, pendapat dalam minda tersebut juga berkemungkinan dimanifestkan dalam dunia nyata melalui percakapan dan tindakan harian mahasiswa.

Akhirnya, mengkaji tahap pengetahuan dan persepsi mahasiswa UTHM terhadap kesan media sosial dalam kehidupan. Walaupun media sosial mampu membawa kesan baik serta buruk kepada pengguna, tetapi impak kesan tersebut terhadap kehidupan harian individu masih lagi tidak disedari majoriti pengguna media sosial.

¹³ Sutiono S.Kom., M.Kom., M.T.I. n.d. **16 Pengertian Teknologi Menurut Para Ahli.** Diambil daripada dosenit.com/kuliah-it/teknologi-informasi/pengertian-teknologi-menurut-para-ahli

¹⁴ M. Prawiro, (2018). Pengertian Masyarakat: Ciri-Ciri, Unsur, dan Macam-Macam Masyarakat. Diambil daripada [Pengertian Masyarakat adalah: Definisi, Ciri-Ciri, Unsur, dan Jenisnya \(maxmanroe.com\)](https://www.pengertianmasyarakatadalah.com/definisi-ciri-ciri-unsur-dan-jenisnya-maxmanroe.com)

¹⁵ Kecantikan. (2023). Makna berita palsu (apakah itu, konsep dan definisi). Diambil daripada [Makna berita palsu \(apakah itu, konsep dan definisi\) - Expresiones En Inglés 2022 \(ninelsonbooks.com\)](https://www.makna-berita-palsu-apakah-itu-konsep-dan-definisi-expresiones-en-inglés-2022-ninelsonbooks.com)

¹⁶ FaizAlias. (2021). Apa Itu Scammer Dan 5 Jenis Scam Paling Popular Di Malaysia. Diambil daripada www.blogfaiz.com/apa-itu-scammer/

¹⁷ WIB. (2021). Kewarganegaraan Digital: Definisi dan Fungsi. Diambil daripada [Kewarganegaraan Digital: Definisi dan Fungsinya \(kompas.com\)](https://www.kompas.com/teknologi/2021/01/17/kewarganegaraan-digital-definisi-dan-fungsinya)

¹⁸ 'kebertanggungjawaban'. (n.d.). Diambil daripada [Kebertanggungjawaban Artinya Adalah? Apa? Dalam Glosarium](https://www.bahasa.org.my/glosarium/kebertanggungjawaban-artinya-adalah-apa-dalam-glosarium)

¹⁹ M. Prawiro. (2020). Pengertian Digital: Definisi, Sejarah, dan Manfaat Digitalisasi Bagi Manusia. Diambil daripada [Pengertian DIGITAL adalah: Definisi, Sejarah, dan Manfaat Digitalisasi \(maxmanroe.com\)](https://www.pengertiandigitaladalah.com/definisi-sejarah-dan-manfaat-digitalisasi-maxmanroe.com)

3. Isu semasa dan cabaran

Penyalahgunaan media sosial merupakan tren yang kerap berlaku dalam kalangan remaja pada hari ini. Penyalahgunaan media sosial merupakan satu tindakan di mana seseorang individu mahupun sekelompok manusia menggunakan bahan teknologi maklumat untuk tujuan negatif yang boleh membawa keburukan seperti fitnah, kemusnahan dan sebagainya sama ada kepada diri sendiri, masyarakat mahupun maruah negara. Antara contoh media sosial adalah seperti Facebook, WhatsApps, WeChat dan sebagainya. Golongan remaja pada hari ini meluangkan lebih banyak masa dengan aplikasi media sosial menyebabkan mereka meluahkan segala yang difikirkan oleh mereka ke dalam media sosial seperti menghina dan memaki hamun kerajaan serta membangkitkan kebencian kaum.

Media sosial memberikan kesan negatif khususnya kepada golongan remaja sekiranya disalahgunakan. Senario terbaharu yang muncul kebelakangan ini berkaitan media sosial adalah kewujudan aktiviti pembulian siber atau dikenali sebagai cyberbullying. Isu ini semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat kerana ia sudah mula memberikan kesan kepada golongan remaja, sehingga ada yang mengambil keputusan untuk membunuh diri.

Namun, buli siber merupakan antara pelbagai isu yang wujud dalam penggunaan media sosial serta Internet. Terdapat banyak lagi isu seperti penipuan, penyebaran berita palsu dan sebagainya yang juga mempunyai mangsa masing-masing. Justeru, dalam konteks kajian ini, keadaan sosial sekeliling yang padat dan sempit juga banyak mempengaruhi tingkah laku berkomunikasi dalam kalangan remaja di PPR. Mereka mempunyai kawasan bersosial yang terhad khususnya di rumah dan kawasan sekeliling serta komuniti yang mempunyai mentaliti rendah memberikan kesan kepada cara mereka berkomunikasi khususnya melalui media sosial.

3.1 Buli Siber

Berhadapan dengan kepesatan perkembangan teknologi, terdapat isu yang wujud dalam kalangan pengguna iaitu isu buli siber (*cyberbullying*). Buli siber adalah satu bentuk gangguan yang melibatkan penggunaan kata-kata yang tidak sopan secara berulang.²⁰ Buli siber juga turut difahami sebagai satu amalan komunikasi melalui perantaraan teknologi yang bertujuan mengganggu, mengecam, memalukan atau mengugut mangsa melalui perkataan yang negatif, penyebaran maklumat palsu ataupun perkongsian yang boleh merosakkan imej mangsa.²¹

Biasanya mangsa buli dikaitkan dengan golongan yang lemah seperti wanita, remaja yang kurang matang, kanak-kanak dan orang kelainan upaya (OKU). Mangsa mengalami pelbagai kesan jangka masa pendek dan panjang hasil dibuli. Sasaran buli kerap merasa sakit, malu, sedih, dan marah akibat diganggu.²² Berdasarkan kajian Che Hasniza dan Mohd Yusri mendapati bahawa terkadang mangsa buli siber juga boleh menjadi pelaku buli siber juga.²³

Isu buli bukanlah isu baru dalam masyarakat kita. Namun, buli siber adalah gejala buli yang baru muncul hasil daripada ledakan teknologi masa kini. Kesan daripada pembulian siber, mangsa mengalami tekanan psikologi, tekanan emosi dan boleh berubah sehingga sanggup mengundang gejala pembunuhan diri. Mengikut rekod kajian yang dilakukan terhadap beberapa pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), terdapat beberapa tema kesan buli siber iaitu emosi, fizikal dan psikologi. Buli siber yang teruk boleh menyebabkan mangsa menjadi murung, resah, hilang selera makan, kesedihan yang berlebihan, ketakutan, perasaan marah tidak terkawal dan tidak mahu berjumpa dengan orang di sekeliling. Apa yang lebih parah adalah kewujudan keinginan untuk membunuh diri.²⁴

²⁰ Che Hasniza Che Noha & Mohd Yusri Ibrahim, "Kajian Penerokaan Buli Siber dalam Kalangan Pelajar UMT," *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134. (2014), 323.

²¹ Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin, "Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia," *Journal of Social Sciences and Humanities* 16, no.6 (2019), 2.

²² Nicholas Brody & Anita L. Vangelisti, "Cyberbullying: Topics, Strategies, and Sex Differences," *Computers in Human Behavior*, no. 75 (2017), 739-748.

²³ Che Hasniza Che Noha & Mohd Yusri Ibrahim, "Kajian Penerokaan Buli Siber dalam Kalangan Pelajar UMT," *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134 (2014), 328.

²⁴ Suriana Che Awang & Khadijah Alavi, "Buli Siber: Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar UKM," *Jurnal Wacana Sarjana* 4, no. 5 (2020): 4-8.

Di negara-negara barat, kes-kes bunuh diri dalam kalangan mangsa jenayah buli siber tidak lagi dianggap sebagai satu fenomena yang baharu. Misalnya, kes Ryan Patrick Halligan yang merupakan antara kes buli siber yang terawal direkodkan. Ryan telah membunuh diri akibat dibuli oleh teman wanitanya bernama Asyley yang pernah menggelarkan Ryan sebagai seorang yang tidak berguna, mencetak segala perbualan peribadi mereka berdua dan kemudiannya menampal di kawasan sekolah dengan tujuan memalukan Ryan.²⁵ Atas kesedaran ini, pada Julai 2020, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) telah melantik Universiti Multimedia (MMU) bagi menjalankan penyelidikan mengenai undang-undang anti buli siber.²⁶ Pada aspek individu pula, Suriana dan Khadijah Alavi mencadangkan supaya mangsa tidak membals mesej atau emel daripada pembuli siber supaya dapat mengurangkan impak emosi. Ini kerana apabila mesej atau emel pembuli siber dibalas kebiasaannya mereka merasa diberi perhatian oleh mangsa, lantas akan berterusan melakukan perbuatan membuli terhadap mangsa.²⁷

3.2 Kebebasan Bersuara Tanpa Batasan

Malaysia bukanlah mengamalkan sistem autoritarianisme, totalitarianisme ataupun diktatorisme yang menafikan hak bersuara dan mengeluarkan pandangan. Setiap warganegara Malaysia diberi kebebasan bercakap dan bersuara bahkan telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 10(1)(a). Setiap warganegara Malaysia bebas mengemukakan pandangan dan idea selagi tidak menyentuh isu-isu sensitif yang telah dinyatakan oleh Parlimen dalam perkara 10(4).²⁸ Akan tetapi hak kebebasan yang bersyarat ini diabaikan sebahagian orang sehingga terbabas melanggar sempadan atau batasan agama, institusi beraja, perlumbaan negara serta sentimen masyarakat.

Keadaan ini dirancakkan lagi melalui penggunaan media sosial yang membuka luas hubungan antara pengguna sehingga menjadi medan terbuka untuk memberi komenar dan berhujah. Para pengguna berhujah tentang pelbagai isu, dari perkara-perkara remeh, keputusan harian, dan isu hubungan, hingga kepada hal-hal negara dan sosiopolitik.²⁹ Ramai pengguna yang tidak mematuhi etika berkomunikasi dan mereka memberi komenar tanpa adab dengan tidak mengenal pihak-pihak yang dikritik hingga menjatuhkan maruah dan reputasi.

Kebebasan bersuara tanpa batas di media sosial berpotensi merosakkan perpaduan rakyat terutamanya apabila melibatkan sentimen agama atau bangsa. Orang ramai berani menyatakan pandangan sendiri dengan menggunakan perkataan-perkataan negatif yang tidak mengambil kira sentimen agama dan bangsa dalam konteks negara Malaysia. Poovaneaswary Manoharan dan Muhammad Adnan melalui kajian pemantauan kebebasan netizen dalam bersuara dan memberi komenar terhadap isu Muhammad Adib di Berita Harian Online bermula dari 28 November 2018 sehingga 5 Disember 2018 merekodkan terdapat 421 komenar negatif dan 167 komenar bersifat positif.³⁰

Maka jelas kebebasan ini memberi implikasi negatif terhadap negara, bangsa dan agama tanpa menafikan sisi positifnya. Kefahaman yang betul mengenai hak kebebasan yang diberi adalah penting bagi menjaga keharmonian beragama di Malaysia. Perkataan yang paling tepat berkaitan hal ini adalah hak kebebasan beragama dalam perlembagaan Malaysia yang perlu diterima adalah hak kebebasan yang tidak mutlak.³¹

3.3 Penyebaran Maklumat Palsu

²⁵ Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin, "Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia," *Journal of Social Sciences and Humanities* 16, no.6 (2019), 7-8.

²⁶ Bernama, "MMU Jalankan Penyelidikan Berkaitan Undang-Undang Antibuli Siber." *Portal Rasmi BERNAMA.COM*. bertarikh 4 Julai 2020. Pautan: <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1856935>, diakses pada 6 Mac 2020.

²⁷ Suriana Che Awang & Khadijah Alavi, "Buli Siber: Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar UKM," *Jurnal Wacana Sarjana* 4, no. 5 (2020): 8.

²⁸ Mohamed Suffian Hashim. *Mengenal Perlembagaan Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984).

Melalui penggunaan media sosial juga, penyebaran maklumat tanpa batasan memberi satu identiti yang baru kepada internet iaitu sebagai penyebaran maklumat palsu.³² Kemunculan pelbagai media sosial dan aplikasi membolehkan pengguna menghantar mesej secara percuma dan pantas. Ia juga turut memberi perubahan kaedah penerima dan penyebaran maklumat. Bagaimanapun fungsi kemudahan dan kelebihan yang disediakan ini, kerap kali disalah guna melalui penyebaran maklumat yang tidak sahih dan tidak berfaedah termasuklah isu MH370, MH17, banjir di pantai timur dan kini isu pandemik COVID-19.

Tindakan ini juga mampu mengundang fitnah kepada pelbagai pihak. Ini kerana ia merupakan satu tindakan yang boleh menjatuhkan dan menjekaskan reputasi seseorang melalui apa yang ditulis atau diperkatakan. Contoh kes pemilik restoran Nasi Ganja di Ipoh telah mengalami kerugian selama tiga hari selepas seorang wanita menyatakan terdapat najis manusia yang digunakan untuk menyedapkan rasa masakan di situ dan selepas itu wanita itu telah memohon maaf atas kesilapannya dan memadam kenyataannya di Facebook.³³

Kebebasan mengakses maklumat tanpa sempadan serta sebaran tanpa had mendedahkan pengguna kepada maklumat-maklumat yang tidak benar. Kajian yang dijalankan terhadap 150 orang warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mendapati 95% bersetuju dan sangat bersetuju mengenai kewujudan penyebaran maklumat palsu mengenai pandemik COVID-19 berpunca daripada kebebasan penyebaran info secara berleluasa. Ia disebabkan daripada sindrom menyebar berita terawal atau disebut “*breaking news syndrome*” iaitu tindakan menyebarluaskan maklumat atau berita terawal yang diperoleh tanpa membuat pengesahan terlebih dahulu.³⁴

Pada konteks mahasiswa dan universiti pula, dicadangkan supaya pihak universiti meletakkan poster sama ada dalam bentuk fizikal atau elektronik mengenai kepentingan pencarian maklumat yang sah. Penerapan konsep tabayyun juga boleh menjadi pemicu bagi para pelajar mengamalkan pencarian maklumat yang benar.³⁵ Pada diri individu pula, para pengguna media sosial perlu tahu dan sedar bahawa setiap tindakan yang dilakukan di ruangan media sosial adalah tanggungjawab diri sendiri. Ini akan melahirkan sikap berwaspada dalam membuat sebarang sebaran di ruangan media sosial.³⁶

4.0 Dapatan kajian dan perbincangan

Bahagian ini menjelaskan hasil analisis data berdasarkan jawapan responden kajian, iaitu mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn, Pagoh yang menjawab borang soal selidik yang dibekalkan oleh pengkaji dalam bentuk *Google Forms*. Mereka menjawab soalan demografi responden yang merangkumi jantina, bangsa, agama, tahap pengajian, fakulti dan soalan tentang jenis-jenis media sosial yang pernah atau sedang digunakan oleh mahasiswa dan jangka masa yang digunakan setiap hari secara peribadi, soalan tentang tahap pengetahuan dan persepsi mahasiswa UTHM terhadap kesan media sosial dalam kehidupan, tindakan mahasiswa UTHM terhadap penggunaan media sosial melalui Internet. Maklumat yang terdapat dianalisis dalam bentuk jadual yang mengandungi kekerapan, peratus dan carta.

4.1 Jenis-jenis media sosial yang pernah atau sedang digunakan oleh mahasiswa dan jangka masa yang digunakan setiap hari secara peribadi.

³² Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Mohammad Naqib Hamdan & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, “Aplikasi al-Tabayyun Dalam Menangani Penularan Maklumat Palsu Berkaitan Produk Halal,” *Jurnal al-Basirah* 8, no. 1 (2018), 24.

³³ Jalal Ali Abdul Rahim, “Fitnah: Pemilik Lapor Polis,” *Laman Berita Harian Online* bertarikh 22 Ogos 2017. Pautan: <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2017/08/3 15905/fitnah-pemilik-lapor-polis>, diakses pada 6 Mac 2020.

³⁴ Shahidah Hamzah, Fauziah Ani, Norizan Rameli, Noranifitri Md Nor, Harliana Halim, Riki Rahman, Adi Syahid Mohd Ali, Nizam Attan & Khairul Anuar Kamri, “Impak Penyebaran Berita Palsu Melalui Media Sosial Terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,” *Advances in Humanities and Contemporary Studies* 1 no. 1 (2020): 58.

³⁵ Zul Hilmi Abdullah, Halimaton Sa’adiah Ariffin, Shaharudin Ismail & Ahmad Nazrul Rosli, “Kebolehpercayaan Maklumat Elektronik: Tinjauan Awal Terhadap Pelajar Tamhidi,” Conference: 2nd International Convention of Islam, Science & Education di Universiti Sains Islam Malaysia, pada Oktober 2016, 647.


³⁶ Shahidah Hamzah, Fauziah Ani, Norizan Rameli, Noranifitri Md Nor, Harliana Halim, Riki Rahman, Adi Syahid Mohd Ali, Nizam Attan & Khairul Anuar Kamri, “Impak Penyebaran Berita Palsu Melalui Media Sosial Terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,” *Advances in Humanities and Contemporary Studies* 1 no. 1 (2020): 62.

Jadual 1: Jenis-jenis media sosial yang digunakan oleh Mahasiswa

Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
Facebook	63	63
Instagram	84	84
Twitter	68	68
WhatsApp	84	84
Tik-tok	57	57
Telegram	61	61

Seramai 100 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn, Pagoh telah menjawab borang soal selidik yang melibatkan aspek jenis-jenis media sosial yang pernah atau sedang digunakan oleh mahasiswa dan jangka masa yang digunakan setiap hari secara peribadi berdasarkan data yang dipersembahkan dalam bentuk jadual, carta dan graf disediakan di bawah.


Jenis-jenis media sosial yang pernah atau sedang digunakan oleh mahasiswa

**Carta 1: Maklumat Bahagian B Berdasarkan Jenis-Jenis Media Sosial Yang Pernah Atau Sedang Digunakan Oleh Mahasiswa**

Jadual 1 dan Carta 1 menunjukkan jenis-jenis media sosial yang pernah atau sedang digunakan oleh mahasiswa dalam kajian ini yang terdiri daripada Facebook, Instagram, Twitter, WhatsApp, Tik-tok dan Telegram. Seramai 63 orang daripada 100 orang responden soal selidik kajian ini (63.0%) memilih Facebook sebagai pilihan penggunaan mereka. Seterusnya, seramai 84 orang daripada 100 orang responden soal selidik kajian ini (84.0%) memilih Instagram sebagai pilihan penggunaan mereka. Selanjutnya, seramai 68 orang daripada 100 orang responden soal selidik kajian ini (68.0%) memilih Twitter sebagai pilihan penggunaan mereka. Di samping itu, seramai 84 orang daripada 100 orang responden soal selidik kajian ini (84.0%) memilih WhatsApp sebagai pilihan penggunaan mereka. Tambahan pula, seramai 57 orang daripada 100 orang responden soal selidik kajian ini (57.0%) memilih Tik-tok sebagai pilihan penggunaan mereka. Selain itu, seramai 61 orang daripada 100 orang responden soal selidik kajian ini (61.0%) memilih Telegram sebagai pilihan penggunaan mereka. Dalam bahagian ini, para responden diizin untuk memilih sekurang-kurangnya satu atau lebih daripada satu jenis-jenis media sosial sebagai pilihan penggunaan mereka supaya data-data yang dikutip dan dikaji lebih tepat dan dekat dengan fakta.

Jadual 2: Kekerapan menggunakan media sosial

Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
Kurang daripada 30 minit sehari	4	4
30 minit hingga 1 jam sehari	8	8
1 jam hingga 2 jam sehari	26	26
2 jam hingga 3 jam sehari	29	29
Lebih daripada 3 jam sehari	33	33



Carta 2: Jangka Masa Yang Digenakan Oleh Mahasiswa Setiap Hari (Media Sosial)

Jadual 2 dan Carta 2 menunjukkan jangka masa media sosial yang digunakan oleh mahasiswa setiap hari secara peribadi dalam kajian ini yang terdiri daripada kurang daripada 30 minit sehari, 30 minit hingga 1 jam sehari, 1 jam hingga 2 jam sehari, 2 jam hingga 3 jam sehari, lebih daripada 3 jam sehari. Seramai 4 orang daripada 100 orang responden soal selidik kajian ini bersamaan 4.0% memilih kurang daripada 30 minit sehari sebagai jangka masa media sosial yang digunakan oleh mereka. Seterusnya, seramai 8 orang daripada 100 orang responden soal selidik kajian ini bersamaan 8.0% memilih 30 minit hingga 1 jam sehari sebagai jangka masa media sosial yang digunakan oleh mereka. Selanjutnya, seramai 26 orang daripada 100 orang responden soal selidik kajian ini bersamaan 26.0% memilih 1 jam hingga 2 jam sehari sebagai jangka masa media sosial yang digunakan oleh mereka. Di samping itu, seramai 29 orang daripada 100 orang responden soal selidik kajian ini bersamaan 29.0% memilih 2 jam hingga 3 jam sehari sebagai jangka masa media sosial yang digunakan oleh mereka. Tambahan pula, seramai 33 orang daripada 100 orang responden soal selidik kajian ini bersamaan 33.0% memilih lebih daripada 3 jam sehari sebagai jangka masa media sosial yang digunakan oleh mereka. Dalam bahagian ini, para responden diizin untuk memilih hanya satu jangka masa media sosial yang digunakan oleh mahasiswa setiap hari secara peribadi sebagai pilihan mereka supaya data-data dikutip dan dikaji lebih tepat dan dekat dengan fakta.

4.2 Tahap pengetahuan dan persepsi mahasiswa UTHM terhadap kesan media sosial dalam kehidupan

Seramai 100 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn, Pagoh telah menjawab borang soal selidik yang melibatkan aspek tahap pengetahuan dan persepsi mahasiswa UTHM terhadap kesan media sosial dalam kehidupan berdasarkan data yang dipersembahkan dalam bentuk jadual, carta dan graf disediakan di bawah.

4.2.1 Tahap pengetahuan dan persepsi mahasiswa UTHM terhadap kesan media sosial dalam kehidupan


Jadual 3: Tahap Pengetahuan Dan Persepsi Mahasiswa UTHM Terhadap Kesan Media Sosial Dalam Kehidupan

Bil	Kesan-kesan	Skala Skor Likert	STS (1)		TS (2)		SD (3)		S (4)		SS (5)		Min
			K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	
1	Risiko buli siber meningkat		13	13.00	17	17.00	9	9.00	22	22.00	39	39.00	3.6

2	Penambahan ilmu pengetahuan tentang isu semasa	2	2.00	7	7.00	24	24.00	34	34.00	33	33.00	3.9
3	Penambahan kesempatan untuk berkawan dengan orang lain	0	0.00	9	9.00	16	16.00	43	43.00	32	32.00	4.0
4	Media sosial menjadikan saya seorang yang menghargai masa	1	1.00	14	14.00	19	19.00	30	30.00	36	36.00	3.9
5	Isu penipuan dalam kalangan masyarakat	1	1.00	9	9.00	23	23.00	33	33.00	34	34.00	3.9
6	Penyebaran informasi palsu	5	5.00	5	5.00	18	18.00	35	35.00	37	37.00	3.9

** STS- Sangat Tidak Setuju (1)/ TS- Tidak Setuju (2)/ SD- Sederhana (3)/ S- Setuju (4) /SS- Sangat Setuju (5)

Tahap pengetahuan dan persepsi mahasiswa UTHM terhadap kesan media sosial dalam kehidupan



Carta 3: Tahap Pengetahuan Dan Persepsi Mahasiswa UTHM Terhadap Kesan Media Sosial Dalam Kehidupan

Jadual 3 dan Carta 3 menunjukkan tahap pengetahuan dan persepsi responden terhadap kesan media sosial dalam kehidupan dalam kajian ini yang terdiri daripada kesan pertama iaitu risiko buli siber meningkat, kesan kedua iaitu penambahan ilmu pengetahuan tentang isu semasa, kesan ketiga iaitu penambahan kesempatan untuk berkawan dengan orang lain, kesan keempat iaitu media sosial menjadikan saya seorang yang menghargai masa, kesan kelima iaitu isu penipuan dalam kalangan masyarakat dan kesan keenam iaitu penyebaran informasi palsu. Min yang terdapat dalam kesan pertama iaitu risiko buli siber meningkat ialah 3.6 iaitu berdekatan dengan 4.0 (setuju). Dengan maklumat ini, pengkaji boleh menyimpulkan kebanyakan responden bersetuju terhadap risiko buli siber meningkat merupakan salah satu kesan yang dipilih oleh responden berdasarkan tahap pengetahuan dan persepsi mereka. Seterusnya, min yang terdapat dalam kesan kedua iaitu penambahan ilmu pengetahuan tentang isu semasa ialah 3.9 iaitu

berdekatan dengan 4.0 (setuju). Dengan maklumat ini, pengkaji boleh menyimpulkan kebanyakan responden bersetuju terhadap penambahan ilmu pengetahuan tentang isu semasa merupakan salah satu kesan yang dipilih oleh responden berdasarkan tahap pengetahuan dan persepsi mereka. Selanjutnya, min yang terdapat dalam kesan ketiga iaitu penambahan kesempatan untuk berkawan dengan orang lain ialah 4.0 iaitu sama dengan 4.0 (setuju). Dengan maklumat ini, pengkaji boleh menyimpulkan kebanyakan responden bersetuju terhadap penambahan kesempatan untuk berkawan dengan orang lain merupakan salah satu kesan yang dipilih oleh responden berdasarkan tahap pengetahuan dan persepsi mereka.

Tambahan pula, min yang terdapat dalam kesan keempat iaitu media sosial menjadikan saya seorang yang menghargai masa ialah 3.9 iaitu berdekatan dengan 4.0 (setuju). Dengan maklumat ini, pengkaji boleh menyimpulkan kebanyakan responden bersetuju terhadap media sosial menjadikan saya seorang yang menghargai masa merupakan salah satu kesan yang dipilih oleh responden berdasarkan tahap pengetahuan dan persepsi mereka. Selain itu, min yang terdapat dalam kesan kelima iaitu isu penipuan dalam kalangan masyarakat ialah 3.9 berdekatan dengan 4.0 (setuju). Dengan maklumat ini, pengkaji boleh menyimpulkan kebanyakan responden bersetuju terhadap isu penipuan dalam kalangan masyarakat merupakan salah satu kesan yang dipilih oleh responden berdasarkan tahap pengetahuan dan persepsi mereka. Di samping itu, min yang terdapat dalam kesan keenam iaitu penyebaran informasi palsu ialah 3.9 iaitu berdekatan dengan 4.0 (setuju). Dengan maklumat ini, pengkaji boleh menyimpulkan kebanyakan responden bersetuju terhadap penyebaran informasi palsu merupakan salah satu kesan yang dipilih oleh responden berdasarkan tahap pengetahuan dan persepsi mereka. Responden yang disoal selidik dapat menjawab dengan menggunakan skala likert supaya pengkaji boleh mendapatkan pandangan responden terhadap faktor masing-masing bagi mengelakkan elemen bias.

4.3 Tindakan mahasiswa UTHM terhadap penggunaan media sosial melalui Internet

Seramai 100 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn, Pagoh telah menjawab borang soal selidik yang melibatkan aspek tindakan mahasiswa UTHM terhadap penggunaan media sosial melalui Internet berdasarkan data yang dipersembahkan dalam bentuk jadual, carta dan graf disediakan di bawah.


4.3.1 Tindakan mahasiswa UTHM terhadap penggunaan media sosial melalui Internet

Jadual 4: Tindakan Mahasiswa UTHM Terhadap Penggunaan Media Sosial Melalui Internet

Bil	Tindakan-tindakan	Skala Skor Likert	AM (1)		K (2)		KK (3)		J (4)		TP (5)		Min
			K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	
1	Menyebarluaskan berita yang palsu	5	5.00	7	7.00	12	12.00	11	11.00	65	65.00	4.2	
2	Menyebarluaskan fitnah	3	3.00	6	6.00	17	17.00	21	21.00	53	53.00	4.2	
3	Mengekspresikan perasaan negatif	2	2.00	12	12.00	24	24.00	12	12.00	50	50.00	4.0	
4	Membuli seseorang individu	0	0.00	9	9.00	8	8.00	19	19.00	64	64.00	4.4	
5	Membuat penipuan	4	4.00	6	6.00	9	9.00	15	15.00	66	66.00	4.3	
6	Membuat kenakalan	1	1.00	6	6.00	18	18.00	22	22.00	53	53.00	4.2	

**AM- Amat Kerap (1)/ K- Kerap (2)/ KK- Kadangkala (3)/ J- Jarang (4)/ TP- Tidak Pernah (5)

Tindakan mahasiswa UTHM terhadap penggunaan media sosial melalui Internet



Carta 4: Tindakan Mahasiswa UTHM Terhadap Penggunaan Media Sosial Melalui Internet

Jadual 4 dan Carta 4 menunjukkan tindakan-tindakan mahasiswa UTHM terhadap penggunaan media sosial melalui Internet dalam kajian ini yang terdiri daripada tindakan pertama iaitu menyebarkan berita yang palsu, tindakan kedua iaitu menyebarkan fitnah, tindakan ketiga iaitu mengekspresikan perasaan negatif, tindakan keempat iaitu membuli seseorang individu, tindakan kelima iaitu membuat penipuan dan tindakan keenam iaitu membuat kenakalan. Min yang terdapat dalam tindakan pertama iaitu menyebarkan berita yang palsu ialah 4.2 iaitu berdekatan dengan 4.0 (jarang). Dengan maklumat ini, pengkaji boleh menyimpulkan kebanyakannya responden jarang menyebarkan berita yang palsu dengan menggunakan platform media sosial melalui Internet. Seterusnya, min yang terdapat dalam tindakan kedua iaitu menyebarkan fitnah ialah 4.2 iaitu berdekatan dengan 4.0 (jarang). Dengan maklumat ini, pengkaji boleh menyimpulkan kebanyakannya responden jarang menyebarkan fitnah dengan menggunakan platform media sosial melalui Internet. Selanjutnya, min yang terdapat dalam tindakan ketiga iaitu mengekspresikan perasaan negatif ialah 4.0 iaitu sama dengan 4.0 (jarang). Dengan maklumat ini, pengkaji boleh menyimpulkan kebanyakannya responden jarang mengekspresikan perasaan negatif dengan menggunakan platform media sosial melalui Internet.

Tambahan pula, min yang terdapat dalam tindakan keempat iaitu membuli seseorang individu ialah 4.4 iaitu berdekatan dengan 4.0 (jarang). Dengan maklumat ini, pengkaji boleh menyimpulkan kebanyakannya responden jarang membuli seseorang individu dengan menggunakan platform media sosial melalui Internet. Selain itu, min yang terdapat dalam tindakan kelima iaitu membuat penipuan ialah 4.3 berdekatan dengan 4.0 (jarang). Dengan maklumat ini, pengkaji boleh menyimpulkan kebanyakannya responden jarang membuat penipuan dengan menggunakan platform media sosial melalui Internet. Di samping itu, min yang terdapat dalam tindakan keenam iaitu membuat kenakalan ialah 4.2 iaitu berdekatan dengan 4.0 (jarang). Dengan maklumat ini, pengkaji boleh menyimpulkan kebanyakannya responden jarang membuat kenakalan dengan menggunakan platform media sosial melalui Internet. Responden yang disoal selidik dapat menjawab dengan menggunakan skala likert supaya pengkaji boleh mendapatkan pandangan responden terhadap faktor masing-masing bagi mengelakkan elemen bias.

Kesimpulan

Kesimpulannya, secara purata para mahasiswa UTHM menggunakan semua media sosial yang dipilih itu dalam kuantiti yang hampir sama di mana cuma Whatsapp dan Instagram yang digunakan paling banyak dalam semua pilihan tersebut. Oleh itu, boleh ditaksir bahawa Whatsapp dan Instagram merupakan media sosial yang paling digemari para mahasiswa, yang menjadi responden kepada borang soal selidik tersebut. Masa yang diluangkan oleh para mahasiswa juga terjatuh kepada masa antara 1 jam hingga lebih 3 jam sehari. Melalui data yang diperoleh dalam soal selidik ini, ternampaknya para mahasiswa UTHM meluangkan masa yang banyak dalam media sosial. Data ini juga dibelakangkan dengan kajian mahasiswa

juga kelihatan sedar dengan perkara-perkara yang berlaku melalui sosial media melalui data yang terpapar dalam carta-carta tersebut. Sebagai contoh, para responden setuju bahawa penggunaan sosial media membawa risiko kejadian kes buli siber. Justeru, boleh dikatakan bahawa mahasiswa-mahasiswa UTHM sedar akan kesan negatif yang akan muncul dengan penggunaan sosial media tanpa batasan dalam masa yang berpanjangan. Akhirnya, boleh dilihat dari carta bahawa kebanyakkan responden iaitu mahasiswa UTHM tidak terlibat dalam apa-apa tindakan kurang elok dalam masa mereka menggunakan media sosial. Kebanyakannya mereka tidak pernah menyebarkan berita palsu ataupun membuat penipuan atas talian melalui media sosial. Melalui data ini, mahasiswa UTHM tidak melibatkan diri dalam kelakuan tidak elok dalam media sosial dan lebih banyak menggunakan sebagai sebuah platform memperoleh informasi. Media sosial mempunyai kelebihan serta kelemahannya seperti semua benda ciptaan manusia. Namun, kita sebagai makhluk yang bernas otak mampu menggunakan demi kebaikan dan bukannya keburukan. Pengguna yang berminda baik tentunya akan menggunakan media sosial demi kebaikan semua orang dan sebaliknya adalah benar. Oleh itu, kita harus mendidik remaja untuk menggunakan media sosial sebagai pengantar informasi dan bukannya sebuah platform untuk menyebarkan perkataan-perkataan tidak senonoh. Langkah pertama ialah mengubah minda remaja dengan menerapkan nilai-nilai murni dan kita akan melahirkan masyarakat yang berdisiplin dan bermoral dalam atas talian ataupun dalam kehidupan sebenar.\

Penghargaan

Penulis artikel ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa penghargaan kepada penyiarah yang telah membantu kami dalam menghasilkan penulisan ini dan kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas peluang yang bermakna untuk penerbitan artikel ini.

Rujukan

- [1] Burçak YILDIZ. (2019). Instagram İstatistikleri (Güncel). Retrieved from [Instagram İstatistikleri \(Güncel\) - Branding Türkiye \(brandingturkiye.com\)](https://brandingturkiye.com/Instagram-İstatistikleri-Güncel)
- [2] Stavropoulos, V., Kuss, D. J., Griffiths, M. D., Wilson, P., & Motti-Stefanidi, F. (2017). MMORPG gaming and hostility predict Internet addiction symptoms in adolescents: An empirical multilevel longitudinal study. Addictive behaviors, 64, 294-300.
- [3] Yesilyurt, F., & Solpuk Turhan, N. (2020). Prediction of the Time Spent on Instagram by Social Media Addiction and Life Satisfaction. Cypriot Journal of Educational Sciences, 15(2), 208-219.
- [4] Young, K. S. (1998). Caught in the net: How to recognize the signs of internet addiction--and a winning strategy for recovery. John Wiley & Sons.
- [5] Parlak Sert, H., & Başkale, H. (2022). Students' increased time spent on social media, and their level of coronavirus anxiety during the pandemic predict increased social media addiction. Health Information & Libraries Journal
- [6] Coyne, S. M., Rogers, A. A., Zurcher, J. D., Stockdale, L., & Booth, M. (2020). Does time spent using social media impact mental health?: An eight year longitudinal study. Computers in Human Behavior, 104, 106160.
- [7] Wölfling, K., Beutel, M. E., Dreier, M., & Müller, K. W. (2014). Treatment outcomes in patients with internet addiction: a clinical pilot study on the effects of a cognitive-behavioral therapy program. BioMed Research International, 2014.
- [8] Zivnuska, S., Carlson, J. R., Carlson, D. S., Harris, R. B., & Harris, K. J. (2019). Social media addiction and social media reactions: The implications for job performance. The Journal of social psychology, 159(6), 746-760.

- [9] Amedie, J. (2015). The impact of social media on society.
- [10] Orben, A., & Przybylski, A. K. (2019). The association between adolescent well-being and digital technology use. *Nature human behaviour*, 3(2), 173-182.
- [11] Coyne, S. M., Rogers, A. A., Zurcher, J. D., Stockdale, L., & Booth, M. (2020). Does time spent using social media impact mental health?: An eight year longitudinal study. *Computers in Human Behavior*, 104, 106160.
- [12] Nik Muniyati Nik Din & Rogayah Mohd Zain,n.d. Pengenalan etika dan peradaban. Diambil daripada [Pengenalan etika dan peradaban - Bab 1: PENGENALAN ETIKA DAN PERADABAN Oleh: Nik Muniyati Nik Din - Studocu](#)
- [13] Sutiono S.Kom., M.Kom., M.T.I. n.d. 16 Pengertian Teknologi Menurut Para Ahli. Diambil daripada [dosenit.com/kuliah-it/teknologi-informasi/pengertian-teknologi-menurut-para-ahli](#)
- [14] M. Prawiro, (2018). Pengertian Masyarakat: Ciri-Ciri, Unsur, dan Macam-Macam Masyarakat. Diambil daripada [Pengertian Masyarakat adalah: Definisi, Ciri-Ciri, Unsur, dan Jenisnya \(maxmanroe.com\)](#)
- [15] Kecantikan. (2023). Makna berita palsu (apakah itu, konsep dan definisi). Diambil daripada [Makna berita palsu \(apakah itu, konsep dan definisi\) - Expresiones En IngléS 2022 \(ninanelsonbooks.com\)](#)
- [16] FaizAlias. (2021). Apa Itu Scammer Dan 5 Jenis Scam Paling Popular Di Malaysia. Diambil daripada [www.blogfaiz.com/apa-itu-scammer/](#)
- [17] WIB. (2021). Kewarganegaraan Digital: Definisi dan Fungsi. Diambil daripada [Kewarganegaraan Digital: Definisi dan Fungsi \(kompas.com\)](#)
‘kebertanggungjawaban’. (n.d.). Diambil daripada [Keber tanggungjawaban Artinya Adalah? Apa? Dalam Glosarium](#)
- [18] M. Prawiro. (2020). Pengertian Digital: Definisi, Sejarah, dan Manfaat Digitalisasi Bagi Manusia. Diambil daripada [Pengertian DIGITAL adalah: Definisi, Sejarah, dan Manfaat Digitalisasi \(maxmanroe.com\)](#)
- [19] Che Hasniza Che Noha & Mohd Yusri Ibrahim, “Kajian Penerokaan Buli Siber dalam Kalangan Pelajar UMT,” *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134. (2014), 323.
- [20] Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin, “Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia,” *Journal of Social Sciences and Humanities* 16, no.6 (2019), 2.
- [21] Nicholas Brody & Anita L. Vangelisti, “Cyberbullying: Topics, Strategies, and Sex Differences,” *Computers in Human Behavior*, no. 75 (2017), 739-748.
- [22] Che Hasniza Che Noha & Mohd Yusri Ibrahim, “Kajian Penerokaan Buli Siber dalam Kalangan Pelajar UMT,” *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134 (2014), 328.
- [23] Suriana Che Awang & Khadijah Alavi, “Buli Siber: Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar UKM,” *Jurnal Wacana Sarjana* 4, no. 5 (2020): 4-8.
- [24] Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin, “Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia,” *Journal of Social Sciences and Humanities* 16, no.6 (2019), 7-8.

- [25] Bernama, “MMU Jalankan Penyelidikan Berkaitan Undang-Undang Antibuli Siber.” *Portal Rasmi BERNAMA.COM*. bertarikh 4 Julai 2020. Pautan: <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1856935>, diakses pada 6 Mac 2020.
- [26] Suriana Che Awang & Khadijah Alavi, “Buli Siber: Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar UKM,” *Jurnal Wacana Sarjana* 4, no. 5 (2020): 8.
- [27] Mohamed Suffian Hashim. *Mengenal Perlembagaan Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984).
- [28] Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Mohammad Naqib Hamdan & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, “Aplikasi al-Tabayyun Dalam Menangani Penularan Maklumat Palsu Berkaitan Produk Halal,” *Jurnal al-Basirah* 8, no. 1 (2018), 24.
- [29] Jalal Ali Abdul Rahim, “Fitnah: Pemilik Lapor Polis,” *Laman Berita Harian Online* bertarikh 22 Ogos 2017. Pautan: <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2017/08/3/15905/fitnah-pemilik-lapor-polis>, diakses pada 6 Mac 2020.
- [30] Shahidah Hamzah, Fauziah Ani, Norizan Rameli, Noranifitri Md Nor, Harliana Halim, Riki Rahman, Adi Syahid Mohd Ali, Nizam Attan & Khairol Anuar Kamri, “Impak Penyebaran Berita Palsu Melalui Media Sosial Terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,” *Advances in Humanities and Contemporary Studies* 1 no. 1 (2020): 58.
- [31] Zul Hilmi Abdullah, Halimatou Sa’adiah Ariffin, Shaharudin Ismail & Ahmad Nazrul Rosli, “Kebolehpercayaan Maklumat Elektronik: Tinjauan Awal Terhadap Pelajar Tamhidi,” Conference: 2nd International Convention of Islam, Science & Education di Universiti Sains Islam Malaysia, pada Oktober 2016, 647.